



ڤريداڻن ڦمباڻون لادڻ رعيه نگري ڪلنٽ

PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT
NEGERI KELANTAN

PT 1068, Bangunan Ladang Rakyat, Zon Komersial Wakaf Che Yeh,
15100 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim
Telefon : 09-741 3180 / 09-741 3181 / 09-741 3183 Fax : 09-741 3188
www.pplrnk.kelantan.gov.my / Email : pplrnk@kelantan.gov.my



NOTIS IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk mengisi jawatan berikut:

1. JAWATAN

| | | |
|-----------------------|---|----------------------------------|
| Nama Jawatan | : | Penolong Akauntan (1 Kekosongan) |
| Skim Perkhidmatan | : | Penolong Akauntan |
| Klasifikasi | : | Kewangan |
| Gred Jawatan | : | W29 |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab membantu dalam penyediaan Laporan Kewangan Perbadanan termasuk Penyata Penyesuaian, Akaun Amanah, Buku Rekod Daftar Aset & Pelupusan dan Simpan Rekod-Rekod Perakaunan.

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- (d) Diploma dalam bidang perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3. PENETAPAN GAJI PERMULAAN, ELAUN DAN IMBUHAN TETAP

- (a) Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM 1,498.00.
- (b) Gaji Permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- (c) Elaun-elaun bagi jawatan Penolong Akauntan Gred W29 adalah sebagaimana berikut:-

| Gred | Imbuhan Tetap Khidmat Awam | Imbuhan Tetap Perumahan | Elaun Sarahidup | Jumlah |
|------|----------------------------|-------------------------|-----------------|----------|
| W29 | RM160.00 | RM300.00 | RM300.00 | RM760.00 |

4. PENEMPATAN

Penempatan ialah di Ibu Pejabat Perbadanan di Kota Bharu.

5. KEUTAMAAN DAN KEPERLUAN BAHASA

Keutamaan adalah kepada calon yang berpengalaman dalam bidang yang berkenaan.

Calon hendaklah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan mempunyai kefahaman Bahasa Inggeris yang baik serta mendapat kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) [sekurang-kurangnya Gred C] pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dengan menggunakan borang permohonan yang boleh didapati dengan bayaran **RM 3.00** di Pejabat Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan.

Borang permohonan juga boleh didapati secara *softcopy* dengan membuat bayaran secara *online banking* kepada Akaun **Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan No Akaun CIMB 8601863021** dan hantar kepada **011-37506562** sebagai bukti pembayaran.

Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar bersama biodata, salinan transkrip akademik, salinan sijil-sijil, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran yang disahkan, 1 keping gambar berukuran pasport dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan kepada:-

**YABrs. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT
NEGERI KELANTAN
BANGUNAN LADANG RAKYAT
TINGKAT 1-3, BLOK B
ZON KOMERSIAL WAKAF CHE YEH
15100 KOTA BHARU, KELANTAN.**

Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas DUA (2) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya. Hanya pemohon yang melepassi saringan awal sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

Tarikh tutup iklan jawatan ialah pada **7 Disember 2022 (Rabu), jam 5.00 petang**. Bukti pengeposan tidak boleh diterima sebagai bukti penerimaan.

Iklan ini bertarikh: 21 November 2022